



كِرَاءِ كِنْدَانِ كَدَاهِ دَارِ الْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj Kami : PPNK.BN100 - 1/9/4 (29)
Tarikh : 07 Syaaban 1441H
01 April 2020M

**SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB. Dato' / YAA Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL 09/2020
TUNTUTAN PERJALANAN DAN ELAUN LEBIH MASA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Adalah dimaklumkan menurut AP100(a) tuntutan perjalanan mengikut Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya manakala tuntutan elaun lebih masa dikemukakan pada tarikh yang sama.
- Sehubungan dengan Perintah Kawalan Pergerakan akibat daripada wabak COVID-19, tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa bagi bulan Mac dilanjutkan pada 25hb April atau sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditarik balik.
- Oleh yang demikian, dipohon YB. Dato' / YAA Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan mengemukakan tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah untuk tindakan selanjutnya.
- Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Unit Perkhidmatan dan Operasi Perakaunan di talian 047027848/7733/7770.
- Perhatian dan kerjasama pihak YB. Dato' / YAA Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

